

29 NOV 97

NIK AZIZ SOKONG LANGKAH KERAJAAN TIDAK MINTA BANTUAN IMF

KOTA BAHARU, 29 Nov (Bernama) -- Mursyid Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini menyokong tindakan kerajaan pusat untuk terus menahan diri daripada meminta bantuan kewangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Beliau berkata pendirian kerajaan yang dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah wajar bagi mengelakkan Malaysia daripada dibebani hutang serta membayar kadar faedah yang banyak jika meminjam daripada IMF.

"Sebelum ini kita banyak berhutang tetapi sekarang sudah sampai masanya kita merasa insaf dan mengelakkan terus berhutang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan dan dialog pemimpin PAS kawasan Kota Baharu di sini.

Semalam, Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus menahan diri daripada meminta bantuan kewangan IMF bagi mengelakkan beban tambahan ke atas rakyat yang telah terjejas teruk oleh masalah kewangan.

Menteri Besar itu berkata langkah kerajaan pusat itu selaras dengan dasar kerajaan negeri yang mengamalkan konsep sederhana dalam semua bentuk pentadbiran. -- BERNAMA

BD RON